

# Prosedur Keterangan di Mahkamah Syariah di Malaysia

Sidi Ahmad Abdullah

## Abstract

*Law of Evidence of the Shariah Court of Malaysia has undergone extensive change lately which is the direct result of law consciousness of the Muslim mass of the country. This consciousness and change come as an implication from the establishment of a number institutions of higher learning related to the Islamic legal system. The article analyses the Enactment of Evidence of the Shariah Court No. 2 (1991) of Kelantan and the application of the rules of evidence in the Shariah Court as an example and effect of the change.*

## Pendahuluan

Keterangan adalah penting dalam setiap prosiding kehakiman. Kelancaran dan keberkesanan sesuatu perbicaraan terletak ke atas sejauh mana keterangan yang didapati dari pihak yang terlibat dalam guaman. Keterangan amat dituntut untuk membezakan di antara yang benar dari yang salah, yang berhak dari yang tidak berhak serta membantu agar sesuatu dakwaan dapat disabitkan atau ditolak. Menerusi

keterangan juga seseorang itu akan dapat mengendalikan hak atau kepentingannya yang dicerobohkan dan sekaligus melindungi hak kepentingannya. Tanpa keterangan yang jelas serta fakta-fakta yang nyata, hukuman yang adil dan saksama tidak dapat ditegakkan walau secanggih mana sesuatu sistem perundangan.

### **Peruntukan Undang-undang Keterangan**

Pengendalian percakapan di mahkamah Syariah di Malaysia pada awal tahun-tahun lima puluhan hingga pertengahan tahun lapan puluhan adalah dengan menggunakan undang-undang keterangan yang diperuntukkan di dalam undang-undang pentadbiran hukum Syarak di tiap-tiap buah negeri. Undang-undang tersebut terlalu ringkas diperuntukkan di dalam satu seksyen sahaja. Sebagai contoh Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Sabah 1977 menerangkan dalam seksyen 54(1), (2) dan (3):

54(1): Mahkamah hendaklah mematuhi semua peruntukan hukum Syarak berhubung dengan bilangan, taraf atau mutu saksi atau keterangan yang dikehendaki bagi membuktikan sesuatu kenyataan, kecuali sebagaimana yang disebut, mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada undang-undang keterangan yang pada masa itu berkuatkuasa dalam negeri ini dan hendaklah berpandukan kepada prinsip-prinsip, tetapi tidak semestinya memakainya dengan sekerasnya.

54(2): Mahkamah adalah diberi kuasa untuk mentadbir sumpah iqrar. Keterangan hendaklah pada biasanya diberi dengan mengangkat sumpah dalam bentuk yang mengikut semua orang-orang Islam, tetapi mahkamah boleh atas alasan-alasan khas mengenyepikan sumpah dan mengambil keterangan dengan iqrar. Sesuatu iqrar hendaklah dalam bentuk; "Saya ... (nama) dengan sesungguhnya beriqrar bahawa keterangan saya adalah yang benar, yang sebenar-benarnya dan tiada lain melainkan yang benar". Sama ada dengan mengangkat sumpah atau iqrar seorang saksi adalah terikat untuk menyatakan yang benar.

54(3): Jika pada pendapat mahkamah seseorang saksi telah dengan sengaja memberi keterangan palsu dalam sesuatu percakapan, mahkamah boleh melaporkan perkara iaitu kepada Pendakwaraya atau timbalannya, atau sebagai pilihan lain, boleh menjalankan semua kuasa-kuasa sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 11, Ordinan Sumpah Bab (8)

Peruntukan yang sama juga terdapat di dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri seperti negeri:

Selangor, 1952 Seksyen 53(1), (2) dan (3)

Johor, 1978 Seksyen 72(1), (2) dan (3)

Kedah, 1962 Seksyen 50(1), (2) dan (3)

Melaka, 1959 Seksyen 49(1), (2) dan (3)

Terengganu, 1986 Seksyen 94(1), (2), (3), (4), (5) dan (6)

Kelantan, 1966 Seksyen 18(1), (2) dan (3)

Perak, 1965 Seksyen 55(1), (2) dan (3)

Perlis, 1964 Seksyen 23(1), (2) dan (24)

Pahang, 1982 Seksyen 239(1), (2) dan (3)  
Sarawak, 1978 Seksyen 52(1), (2) dan (3)  
Pulau Pinang, 1959  
Negeri Sembilan, 1960, Seksyen 50(1), (2) dan (3)

Inilah peruntukan undang-undang keterangan yang perlu diikuti dan diamalkan di Mahkamah Syariah di seluruh negara. Sekali imbas jelas peruntukan tersebut sukar difahami maksudnya yang sebenar, apatah lagi untuk dipraktikkan. Walaupun ianya sebagai undang-undang acara, tetapi tidak mempunyai aturcara yang jelas mudah difaham untuk dijadikan garis panduan untuk diamalkan oleh mahkamah. Kesukaran ini bukan sahaja dihadapi oleh pegawai-pegawai Mahkamah Syariah yang sememangnya mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang Syariah bahkan juga peguam-peguam yang terlatih dalam bidang-bidang perundangan Sivil.

Kerana itulah sukar didapati keputusan-keputusan hakim Mahkamah Syariah dicatit dan ditulis dengan cara sistematik berpandukan prosedur yang jelas. Ini dapat diperhatikan dalam laporan perbicaraan dalam *Jurnal Hukum*.

Peruntukan mengenai keterangan yang terdapat dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri itu jelas tidak menggambarkan satu prosedur keterangan yang lengkap sebagaimana yang terdapat dalam kitab-kitab fiqh Islam dari semua mazhab yang muktabar.

Apa yang ternyata dari falsafah atur cara keterangan Islam ianya lebih luas dan umum mencakupi segala media yang boleh menjelas atau menerangkan sesuatu fakta kes. Keterangan dalam Islam bukanlah hanya persaksian, iqrar dan sumpah sahaja. Ianya termasuk penjelasan dan penyiasatan yang lebih lanjut.

Kita tidak hairan kenapa masyarakat tidak menaruh keyakinan kepada sistem Islam dalam perundangan, walaupun setengah-setengah kalangan dalam masyarakat itu melaung-laung tentang keunggulan dan kemampuan sistem Islam. Kerana mereka melihat kelemahan jentera pentadbiran yang menyusun prosedur yang boleh dipakai atau diikuti dalam peraksanaan. Walau sebaik mana sesuatu sistem itu tetapi tanpa disediakan prosedur yang jelas dan praktikal ianya akan menjejaskan keyakinan manusia terhadap kebaikannya.

### **Enakmen Undang-undang Keterangan Yang Baru**

Dengan tertubuhnya beberapa buah institusi pengajian tinggi yang khusus mengkaji bidang pengajian ulum Syariah, seperti Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya, Jabatan Syariah Universiti Kebangsaan Malaysia, Kulliyah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa, satu kesedaran baru telah timbul di mana perlunya satu pembaharuan dalam pengajian sistem perundangan Islam. Beberapa subjek baru telah diwujudkan untuk diselaraskan antara pengajian teori semata-mata kepada pengajian praktikal yang menjurus ke arah profesional, seperti undang-undang keluarga Islam di samping bab Nikah dan Talaq, sistem kehakiman Islam di samping bab Qada', Undang-undang Acara Jenayah, Mal dan Keterangan di samping

subjek *al-Dakwa wa al-Bayyinah*.

Sementara itu beberapa buah jawatankuasa telah ditubuhkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (Pusat Islam) untuk menyelaras pentadbiran agama Islam, khususnya yang berhubung dengan pentadbiran kehakiman Islam di mahkamah-mahkamah Syariah.

Hasil dari kombinasi institusi pengajian tinggi dan Pusat Islam ini satu demi satu pembaharuan telah lahir dalam pentadbiran agama Islam terutama dalam bidang penghakiman. Lahirnya Undang-undang Keluarga Islam, Undang-undang Acara Mal, Jenayah dan Undang-undang Keterangan yang mampu menjadi garis panduan kepada pegawai-pegawai Mahkamah Syariah dan penguam-peguam dalam perbicaraan.

### **Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah No. 2 Tahun 1991 - Kelantan**

Memandangkan perlunya Undang-undang Keterangan yang terperinci lagi ditil, jelas dan lengkap, beberapa buah negeri telah mengambil langkah segera dan positif untuk mewujudkannya. Di antaranya ialah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kedah Tahun 1989, Enakmen Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah Pahang 1990, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan 1991 dan Ordinan Keterangan Syariah Sarawak 1991.

Kita yakin negeri-negeri lain sedang berusaha ke arah mengadakan Undang-undang Keterangan yang serupa untuk memudahkan perjalanan perbicaraan di Mahkamah Syariah juga menjadi panduan kepada pegawai mahkamah.

Untuk menjelaskan bentuk dan susunan Undang-undang Keterangan yang terbaru ini, penulis cuba mengambil Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan sebagai model.

Enakmen ini mengandungi 131 seksyen dan sepuluh bab. Kesemua seksyen dan bab-bab itu disusun bersesuaian dengan kaedah-kaedah fiqh Islam atau hukum Syarak yang berhubung dengan *syahadah* dan *bayyinah*:

- Bab (i) - Permulaan
- Bab (ii) - *Qarinah*, *Iqrah* Dan Pendapat Pakar
- Bab (iii) - Bukti
- Bab (iv) - Keterangan Lisan
- Bab (v) - Keterangan Suratan
- Bab (vi) - Beban Membukti
- Bab (vii) - Saksi
- Bab (viii) - Pemeriksaan Saksi
- Bab (ix) - Memastikan Kebenaran Keterangan Saksi
- Bab (x) - Peruntukan Am

Dalam bab pertama dijelaskan pada awal-awal lagi bahawa Enakmen ini hendaklah dipakai mengikuti hukum Syarak. Hukum Syarak yang dimaksudkan ialah undang-undang Islam dan mana-mana mazhab yang sah.

Dalam bab ini juga diterangkan maksud “keterangan” di mana ianya termasuk:

- (a) *Bayyinah* dan *Syahadah*
- (b) Segala kenyataan yang dibenar atau dikehendaki oleh mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubung dengan perkara-perkara nyata yang disiasat.
- (c) Segala surat yang dikemukakan untuk diperiksa oleh mahkamah.

“Nyataan” ertinya dan termasuk:

- (a) Sesuatu, keadaan sesuatu atau hubungan sesuatu yang boleh diketahui dengan pancaindera; atau
- (b) apa-apa keadaan fikiran yang disedari oleh seseorang.

Manakala dalam bab kesepuluh pula menerangkan:

- (a) mana-mana peruntukan atau tafsiran di dalam enakmen ini yang berlawanan dengan hukum Syarak adalah tidak sah setakat mana ianya berlawanan.
- (b) jika terdapat apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan atau mana-mana peruntukan dalam enakmen ini tidak menyatakan apa-apa perkara dengan jelas, mahkamah hendaklah merujuk kepada hukum Syarak.

Dari apa yang dinyatakan di atas, jelaslah bahawa Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah yang baru ini adalah lebih membayangkan sistem kehakiman yang sejati, boleh dipraktikkan dengan mudah lagi tersusun. Pegawai-pegawai Mahkamah Syariah pasti tidak akan mengalami kesulitan lagi dalam melaksanakan tugasnya yang berat itu.

#### **Aplikasi Prosedur Keterangan di dalam Prosiding Mahkamah**

Dalam bahagian ini penulis cuba membawa beberapa kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah untuk menjadi kayu pengukur terhadap sejauhmanakah prosedur-prosedur keterangan dipraktikkan dalam prosiding kehakiman.

Kes (1): *Pendakwa Syarie<sup>1</sup> lwn. Jaafar bin Sudin dan seorang lagi.*

Jawatankuasa Ulang Bicara Mahkamah Syariah, (Shaikh Mortadza Hj. Ahmad (Mufti), Dr. Mahmod Saedon dan Tan Sri Ahmad Ibrahim).

Kes Jenayah Khalwat:

Dalam kes ini responden-responden yang dituduh melakukan khalwat telah mengaku bersalah. Hakim telah membebaskan responden-responden setelah

mendengar fakta-fakta yang disebut oleh pihak pendakwa tanpa memanggil saksi-saksi pihak pendakwa. Pendakwa telah merayu.

(Keputusan Lembaga Rayuan) Tan Sri Ahmad Ibrahim

Oleh kerana pihak pendakwa belum diberi peluang membuktikan kesnya terhadap responden-responden, Yang Arif Hakim tidak boleh membebaskan responden-responden itu. Kes ini hendaklah dibicara semula di hadapan seorang Kadi lain.

### Ulasan

Kes ini memberi gambaran bahawa Yang Arif Hakim gagal menggunakan prosedur keterangan dalam prosiding. Dalam kes ini pihak pendakwa telah tidak diberi peluang mengemukakan saksi-saksinya untuk membuktikan tuduhan yang di bawa terhadap responden-responden. Yang Arif Kadi tidak mempunyai kuasa membebaskan responden-responden yang dituduh tanpa mendengar kes pendakwa terhadap mereka.

Di dalam peruntukan mengenai acara di dalam prosiding jenayah yang terdapat di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak, 1960 ada disebut di bawah Seksyen 62. Jika orang yang dituduh mengaku salah, ia boleh dihukum atas pengakuannya itu. Ini menunjukkan bahawa mahkamah hanya boleh membebaskan orang yang dituduh selepas mendengar saksi-saksi bagi pihak pendakwa. Dalam seksyen 69 Enakmen itu menyebut, rujukan boleh dibuat kepada amalan dan acara yang diikuti di Mahkamah Rendah Sivil di dalam kes-kes jenayah. Kanun Acara Jenayah Sivil, Seksyen 173 menegaskan bahawa mahkamah hanya boleh membebaskan orang yang dituduh selepas mendengar semua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa.

Di samping itu juga, terdapat panduan yang jelas di dalam penghakiman Islam di mana Raslullah (s. 'a.w.) menasihati Saidina 'Ali bin Abu Talib sewaktu beliau dilantik sebagai hakim di Yaman yang bermaksud:

*“Apabila dua orang membuat tuntutan di mahkamah berada di hadapan kamu, janganlah kamu membuat keputusan hingga kamu mendengar apa yang dikemukakan oleh pihak yang lain itu seperti mana kamu mendengar apa yang dikemukakan oleh pihak pertama, kerana adalah amat baik kamu mendapat gambaran yang jelas sebelum membuat keputusan”*

Kes (2): *Mustafa bin Batcha lwn. A. Habeeba.*

Jawatankuasa Ulang Bicara Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (Sheikh Mortaza Haji Ahmad (Mufti), Tan Sri Ahmad Ibrahim dan Dr. Mahmud Saedon). 24 Dis. 1990.

Undang-undang Keluarga - Perceraian - Lafaz Cerai diulang tiga kali -

sama ada talak itu tiga - Ikrar orang yang melafaz talak - sama ada sihir digunakan - suasana, latar belakang dan keadaan berlakunya perceraian itu diselidiki.

Di dalam kes ini kadi Yang Arif telah memutuskan jatuh talak tiga apabila suami telah berikrar melafazkan: "Saya cerai engkau, saya cerai engkau, saya cerai engkau" kepada isterinya. Yang Arif Kadi tidak memanggil saksi-saksi yang ada dan tidak selidiki tuntutan suami itu bahawa apabila ia melafazkan talak ia dalam keadaan fikiran yang tidak betul dan terkena sihir.

### Keputusan

Kes ini hendaklah diperintahkan dibicara semula oleh kerana kes belum didengar dan dibicarakan sewajarnya kerana saksi-saksi tidak dipanggil untuk memberi keterangan. Pendapat pakar juga tidak diminta sama ada benar atau tidak sihir telah digunakan. Ikrar yang digunakan sebagai asas hukuman bukanlah mutlak dan latar belakang, suasana dan keadaan kes yang diikrarkan tidak dibincangkan oleh mahkamah.

### Ulasan

- (1) Yang Arif Kadi tidak memanggil saksi-saksi yang dikatakan telah mendengar yang menuntut telah menceraikan isterinya dengan talak tiga. Mungkin jika saksi-saksi tersebut dipanggil mereka boleh membantu memberikan keterangan yang lebih lengkap dan jelas tentang perceraian yang disebutkan itu.
- (2) Latar belakang kes tersebut, suasana dan keadaan kedua belah pihak pada ketika itu dan keadaan masa sebelum berlakunya perceraian untuk memastikan dari saksi-saksi tentang keadaan yang menuntut dari segi kesihatan tubuh badan, fikiran dan perasaannya semasa berlakunya perceraian tersebut, sedangkan ini adalah penting di dalam memutuskan sesuatu kes terutama jika kes tersebut diputuskan melalui ikrar semata-mata.

Hal ini membayangkan betapa daifnya penggunaan prosedur keterangan di dalam prosiding Mahkamah Syariah. Para pegawai mahkamah menggunakan prosedur keterangan pada tahap minima sahaja. Sedangkan sejarah kehakiman Islam penuh dengan prinsip-prinsip dan panduan-panduan penghakiman yang begitu unggul.

Khalifah 'Umar al-Khattab telah menggariskan beberapa panduan kepada hakim-hakim dalam suratnya kepada Abu Musa al-'Asy'ari, diantara lain beliau berkata:

*"Sesungguhnya kehakiman itu adalah satu kewajipan mutlak dan Sunnah yang diikuti. Fahamilah sesuatu sesuatu kes yang di bawa ke mahkamah terlebih dahulu"*

Ini bermakna seseorang hakim sebelum memutuskan sesuatu hukuman

hendaklah mendengar, memahami dan mengkaji perkara-perkara berhubung dengan kes tersebut, termasuklah fakta-fakta, undang-undang dan prosedur yang berkenaan, mendengar keterangan pihak-pihak dengan sabar dan tenang dan menyoal saksi-saksi sehingga hakim berpuas hati.

**NOTA KAKI**

1. Negeri Sembilan, Ulang Bicara Jenayah No. 3/90.
2. Sunan Abu Daud, *Kitab al-Qadaya*.
3. Abu Hasan al-Marwadi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, m.s. 71, Cairo, 1966.